



BULETIN PERPUSTAKAAN UNISEL

JANUARI - FEBRUARI

BILANGAN 01 / 2023 (13)

PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU OLEH TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK KEPADA PERPUSTAKAAN UNISEL



**PROGRAM LITERASI
MAKLUMAT UNISEL 2023**

**BICARA PUSTAKAWAN:
PENGURUSAN SURAT
RASMI DIGITAL**

SyDang PENGARANG

PENASIHAT
Hafiz Abdul Rahim
EDITOR
Zairil Azwan Osman
PEREKA GRAFIK
Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**
Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL
PENGEDARAN
Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan

Salam Sejahtera

Permulaan tahun 2023 ini dimulakan dengan penerbitan Buletin Perpustakaan UNISEL edisi pertama tahun 2023. Pada keluaran pertama ini, Perpustakaan telah memulakan Program Literasi Maklumat. Program ini dianjurkan setiap semester sepanjang tahun dan terbuka kepada pensyarah dan pelajar UNISEL. Perpustakaan UNISEL juga telah menerima sumbangan buku dari Timbalan Naib Canselor (Akademik,

Penyelidikan dan Jaringan Industri) Prof Dr Md. Sidin bin Ahmad Ishak. Sebanyak 2000 buah buku dalam pelbagai bidang telah disumbangkan kepada Perpustakaan UNISEL. Semoga buku yang telah disumbangkan ini dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya oleh warga kampus.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan satu pameran bertema berkaitan Tahun Baru Cina. Matlamat pameran ini diharap dapat mem-

pertingkatkan dan mengukuhkan budaya membaca dikalangan warga UNISEL. Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina dan Thaipusam, semoga tahun 2023 ini dihiasi dengan semangat perpaduan dalam diri kita bersama-sama.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN
Editor
zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Program Literasi Maklumat Perpustakaan Unisel 2023	1
Penyerahan Sumbangan Buku Oleh Timbalan Naib Canselor Akademik Kepada Perpustakaan Unisel	2
BICARA PUSTAKAWAN: Pengurusan Surat Rasmi Secara Digital	3
Program Literasi Maklumat	5
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	7
Album Pelawat & Lawatan	9
Ulasan Buku	10
E-Resources	11



Perpustakaan UNISEL telah sekian lama berusaha untuk memberi panduan dan bantuan kepada pengguna perpustakaan bagaimana untuk mencari maklumat yang tepat jitu serta cara untuk menguruskan maklumat-maklumat tersebut. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna adalah Program Literasi Maklumat. Program ini bertujuan untuk mendidik pengguna dalam menggunakan segala kemudahan yang perpustakaan sediakan dan memberi bimbingan pencarian bahan atau maklumat dengan betul. Pencarian maklumat yang sahih dan bermutu di dalam bidang akademik adalah sangat penting.

Di antara modul-modul di dalam Program Literasi Maklumat yang dianjurkan Perpustakaan UNISEL adalah:

- Introduction to UNISEL Library
- Introduction to UNISEL Library to Digital Collection and Services
- Citation Help: APA Citation Style (7th ed.)
- Online Databases & Free Access Collection for Literature
- Turnitin

Modul-modul di dalam Program Literasi Maklumat dirangka adalah untuk



pendedahan kepada pensyarah dan juga



pelajar. Bermula tahun 2022, modul-modul ini boleh dilakukan secara fizikal dan atas talian. Oleh itu pengguna boleh memilih mod pembelajaran mengikut kesesuaian masa, tempat dan bilangan peserta. Program ini adalah terbuka dan dijalankan pada

setiap semester. Pengguna hanya perlu memohon secara atas talian iaitu dengan cara mengisi ‘google form’ yang disediakan dan pilih modul yang berkaitan serta tentukan tarikh dan masa untuk menyertai program tersebut.

Semoga Program Literasi Maklumat yang di sediakan oleh Perpustakaan UNISEL ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna terutamanya pelajar

UNISEL dalam menghasilkan kerja kursus yang berkualiti. Untuk keterangan lanjut, boleh hubungi Perpustakaan UNISEL melalui panggilan telefon, emel atau datang terus ke Perpustakaan UNISEL di kampus Bestari Jaya ataupun Shah Alam.

PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU OLEH TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK KEPADА PERPUSTAKAAN UNISEL



KOTA DAMANSARA, 17 Februari 2023 | Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan buku daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Prof Dr Md. Sidin bin Ahmad Ishak. Sesi penyerahan ini telah diterima Encik Hafiz bin Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan. Turut serta 2 orang Pustakawan iaitu Encik Azman bin Ibrahim dan Encik Zairil Azwan bin Osman. Majlis penyerahan tersebut telah berlangsung di rumah beliau di Kota Damansara.

Sebanyak 2000 buah buku dalam pelbagai bidang telah disumbangkan kepada Perpustakaan UNISEL. Buku-buku tersebut akan diproses dan akan ditempatkan mengikut subjek-subjek yang telah ditetapkan.

Semoga buku yang telah disumbangkan ini dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya oleh warga kampus. Perpustakaan mengalu-alukan sumbangan buku dari semua pihak. Bagi mereka yang berminat

untuk menyumbang buku atau bahan bacaan lain kepada Perpustakaan UNISEL boleh menghubungi Puan Fara Nur Izwana binti Ismail (Kampus Shah Alam) melalui emel fara_izwana@unisel.edu.my dan Puan Siti Suriani binti Misran (Kampus Bestari Jaya) melalui emel suriani@unisel.edu.my.





PENGURUSAN SURAT RASMI SECARA DIGITAL

Oleh: Noornahar Hj. Akashah

“Surat” secara amnya dikhaskan untuk komunikasi atas kertas. Surat adalah mesej bertulis daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain, mengandungi maklumat dan menggalakkan pengekalan perhubungan antara kedua-dua pihak serta menyumbang kepada perlindungan dan pemuliharaan celik huruf. Bagi sesetengah orang, Surat dilihat sebagai persembahan bertulis. Sebahagian yang lain, ia dilihat sebagai satu cara komunikasi dan cara mendapat maklum balas. Pada masa-masa tertentu, penulisan Surat telah meningkat menjadi suatu bentuk seni dan genre sastera, misalnya dalam era Byzantine.

“Suratan Rasmi” diklasifikasikan sebagai surat-menyurat yang dihasilkan oleh mana-mana organisasi sama ada


organisasi awam atau organisasi swasta mengikut standard yang telah ditetapkan dari segi struktur dan kandungannya. Ia merupakan salah satu medium komunikasi antara organisasi dengan organisasi yang lain atau individu, untuk menyampaikan maklumat. Surat menjadi fokus utama organisasi kerana ianya boleh dijadikan bahan bukti dan juga bahan untuk kecemerlangan atau kehancuran sesebuah organisasi mahupun negara. Surat yang diwujudkan oleh organisasi atau negara menjadi suatu dokumen rasmi yang harus dipelihara dan dilindungi serta disediakan mengikut format tertentu.

Di dunia purba, surat ditulis pada pelbagai bahan, termasuk besi, plumbum, tablet kayu bersalut lilin, serpihan-serpihan tembikar, kulit haiwan

dan papyrus. Kedatangan era teknologi komunikasi telah mempelbagaikan kaedah penghantaran surat. Sebagai contoh, kewujudan telegraf telah memendekkan masa yang diambil, namun ia masih perlu ditukarkan dalam bentuk bertulis atas kertas dan dihantar kepada penerima. Seterusnya adalah Teleks dan kemudian diikuti Mesin Faks (Faksimili): Surat boleh dipindahkan daripada penghantar kepada penerima menerusi rangkaian telefon sebagai imej. Hari ini, internet, melalui e-mel, memainkan peranan yang besar dalam komunikasi bertulis; Walau bagaimanapun, komunikasi e-mel ini tidak secara amnya dirujuk sebagai Surat tetapi sebaliknya sebagai mesej/pesan e-mel atau e-mel.

Penambahbaikan yang berterusan

dalam sistem penyampaian perkhidmatan sentiasa menjadi fokus utama organisasi terutamanya bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam dan luaran. Surat, memo, dan e-mel merupakan antara medium komunikasi utama untuk menyampaikan maklumat, arahan, keputusan, memo-hon maklumat, pertimbangan dan kelulusan. Kejelasan dan ketepatan isi kandungan surat, memo, dan e-mel serta penggunaan format yang seragam akan memudahkan penerima memahami mesej yang hendak disampaikan.




melakukannya, organisasi hendaklah mewujudkan dan melaksanakan satu program pengurusan rekod yang menyeluruh.

Pengurusan surat-menyurat rasmi secara digital bertujuan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan capaian rekod serta ketelusan perkhidmatan me-

persekitaran elektronik.

Kini, Surat Rasmi dapat disalurkan kepada penerima dengan pantas bersama dengan catatan untuk tindakan. Pelaksanaan secara aplikasi Share Point memudahkan urusan, mempercepatkan masa serta membantu dalam urusan pemantauan sama ada tindakan telah diambil atau belum. Pengurusan e-Surat ini merupakan insiatif awalan untuk menuju ke arah pendigitalan surat-menyurat yang menyeluruh. Surat Rasmi yang diterima atau dihantar boleh disimpan secara digital, tiada lagi





paikan. Dalam era masa kini, di mana semua perkara berlaku di hujung cari. Bagi menyokong pengendalian urusan pentadbiran yang berterusan, memenuhi keperluan perundangan dan memastikan akauntabiliti, organisasi mestilah mewujudkan dan menyelenggarakan Surat Rasmi yang sah, andal dan boleh digunakan, di samping melindungi keutuhan rekod tersebut selama ia diperlukan. Bagi

lalui penggunaan teknologi ICT. Memastikan fungsi-fungsi pewujudan, penawanan, penyimpanan, pengedaran dan pelupusan surat dilaksanakan secara sistematik dan terkawal mengikut prinsip-prinsip pengurusan rekod yang digariskan. Khususnya, ia dapat membantu organisasi menangani peralihan dan perubahan pengurusan rekod dari persekitaran konvensional kepada

urusan pengendalian surat-menyurat secara konvensional – Surat direkod dalam fail dan fail disimpan dalam kabinet di mana akhirnya memerlukan kos yang tinggi untuk perolehan kabinet besi, mangga dan ruang simpanan yang besar. Pengendalian surat-menyurat dan fail secara digital - menjimatkan ruang, kos dan masa pencarian.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



26 Januari 2023 | Bersempena CGS Hour, Perpustakaan UNISEL telah dijemput untuk slot Library Information Skills for Postgraduate. Seramai 31 orang pelajar baharu telah menyertai taklimat ini. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Khuzaimah Zakaria melalui aplikasi Zoom.



03 Februari 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 110 orang pelajar B.Ed (Hons) TESL.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



07 Februari 2023 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 13 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kep.) (Pendidikan Awal Kanak-kanak) yang mengambil elektif Pengurusan Pusat Sumber.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



12 Januari 2023 | Encik Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan menyampaikan ceramah bagi Program Transformasi Minda Universiti Selangor (PTM) telah diadakan di Tingkat 1, Dewan Canselor, UNISEL Kampus Bestari Jaya. Peserta PTM terdiri daripada staf baharu melapor diri dan adalah satu kursus induksi yang diwajibkan sebagai salah satu syarat pengesahan perkhidmatan.



16 Januari 2023 | Menjelang sambutan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 22 Januari 2023 hingga 23 Januari 2023, Perpustakaan Universiti Selangor turut bersama-sama memeriahkan sambutan perayaan ini dengan mengadakan satu pameran bertema berkaitan Tahun Baru Cina bermula 16 Januari hingga 23 Januari 2023. Pameran bertema ini ditempatkan di Aras Bawah Perpustakaan, Kampus Bestari Jaya. Matlamat pameran ini diharap dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan budaya membaca dikalangan warga UNISEL disamping mengetahui adat dan budaya masyarakat Cina menyambut perayaan Tahun Baru Cina di Malaysia.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



16 Januari 2023 | Sesi penyerahan hadiah kepada pemenang Academic OneFile-UNISEL Online Quiz 2022. TAHNIAH kepada pemenang. Jutaan Terima kasih diucapkan kepada pelajar yang turut serta dalam online quiz pada kali ini.



18 Februari 2023 | Kerja-kerja baik pulih komponen sistem penyaman udara berpusat oleh kontraktor yang telah dilantik bersama staf Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP) di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya telah dilakukan.

ALBUM PELAWAT & LAWATAN



14 Februari 2023 | Lawatan kumpulan pengurusan Hospital Gleneagles Medini (GHM) Johor pada 14 Februari (Selasa) jam 4.00 petang ke Perpustakaan Unisel kampus Shah Alam sempena majlis menandatangani memorandum kerjasama (MOA) di antara kedua-dua pihak berkenaan penajaan pelajar-pelajar kejururawatan Fakulti Sains Kesihatan (FSK).

ULASAN BUKU



Judul:	Mechanical vibrations
Penulis:	Singiresu S. Rao
ISBN:	9781292178608
No. Panggilan:	TA355.R37 2018
Lokasi:	2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Tahun Terbitan:	2018
Edisi:	-



Retaining the style of previous editions, this Sixth Edition of Mechanical Vibrations effectively presents theory, computational aspects, and applications of vibration, introducing undergraduate engineering students to the subject of vibration engineering in as simple a manner as possible. Emphasizing computer techniques of analysis, Mechanical Vibrations thoroughly explains the fundamentals of vibration analysis, building on the understanding achieved by students in previous undergraduate mechanics courses. Related concepts are discussed, and real-life applications, examples, problems, and illustrations related to vibration analysis enhance comprehension of all concepts and material. In the Sixth Edition, several additions and revisions have been made—including new examples, problems, and illustrations—with the goal of making coverage of concepts both more comprehensive and easier to follow.


Sources from website "<https://www.pearson.com/en-us/subject-catalog/p/mechanical-vibrations/P200000003425/9780137515288>"

Judul:	The Photographer's Black & White Handbook: Making and Processing Stunning Digital Black and White Photos
Penulis:	Harold Davis
ISBN:	9781580934787
No. Panggilan:	TR146.D25 2017
Lokasi:	2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Tahun Terbitan:	2017
Edisi:	-



The Photographer's Black & White Handbook is your complete guide to making and processing stunning black and white photos in the digital era. You'll find inspiration, ideas, techniques, and tools to use in your black and white photography, along with a soup-to-nuts workflow to take you from black and white pre-visualization through capture and post-production. Along the way you will lean over Harold's shoulder as he travels to exciting photo destinations and creates stunning black and white imagery, explaining his creative and technical processes as he goes.

(Sources from website "<https://www.monacellipress.com/book/the-photographers-black-and-white-handbook/>")



Judul:	Linked Data for Libraries, Archives and Museums: How to Clean, Link and Publish Your Metadata
Penulis:	Seth van Hooland & Ruben Verborgh
ISBN:	9781856049641
No. Panggilan:	Z666.73.L56 .H66 2014
Lokasi:	2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Tahun Terbitan:	2014
Edisi:	-



This highly practical handbook teaches you how to unlock the value of your existing metadata through cleaning, reconciliation, enrichment and linking and how to streamline the process of new metadata creation. Metadata experts Seth van Hooland and Ruben Verborgh introduce the key concepts of metadata standards and Linked Data and how they can be practically applied to existing metadata, giving readers the tools and understanding to achieve maximum results with limited resources. Readers will learn how to critically assess and use (semi-)automated methods of managing metadata through hands-on exercises within the book and on the accompanying website. Each chapter is built around a case study from institutions around the world, demonstrating how freely available tools are being successfully used in different metadata contexts.

(Sources from website "<https://www.routledge.com/Linked-Data-for-Libraries-Archives-and-Museums-How-to-clean-link-and/Hooland-Verborgh/p/book/9781856049641>")

E-RESOURCES

GALE unisel unisel library

ACADEMIC ONEFILE

More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Business & Management - Communication & Mass Media - Education - Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Multi-disciplinary User friendly platform Rich in content

Click for easy access to articles aligned to major topics of study Spend less time searching and more time digging in More than 20,000 titles available, with scholarly and peer reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN
nur_adna@unisel.edu.my
+603- 3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN
zairil@unisel.edu.my
+603- 5522 3596

Unisel Library <http://library.unisel.edu.my>

Academic OneFile

Emerald Publishing Limited

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
 Bestari Jaya Campus
 Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
 03-32805081

Shah Alam Campus
 Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
 03-55223596

unisel library

emerald insight
Education eJournals 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:
 • Educational administration and leadership
 • Vocational education and training
 • Higher education
 • Sustainability in higher education
 • Technology in education
 • Child and youth education
 • Curriculum development and assessment
 • Early years
 • Work-based learning
 • Distance learning

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

We have access

emerald PUBLISHING

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
 Bestari Jaya Campus
 Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
 03-32805081

Shah Alam Campus
 Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
 03-55223596

unisel library

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:
 • Performance management
 • Work-life balance
 • Training and development
 • Remote working
 • Cross cultural employment
 • Mental health
 • Workplace bullying
 • Learning & development
 • The impact of Brexit on the labour force

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

We have access

emerald PUBLISHING

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
 Bestari Jaya Campus
 Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
 03-32805081

Shah Alam Campus
 Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
 03-55223596

unisel library

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals 2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:
 • Management for performance
 • Strategic orientation
 • Organizational transformation
 • Innovation and entrepreneurial strategies
 • Organizational behaviour
 • Business ethics and law
 • Conflict management
 • Business leadership
 • Sustainable business
 • Family business

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

We have access

emerald PUBLISHING



A card with a blue and yellow background. On the left, a stack of colorful books is shown with a green arrow pointing towards the text "NEED HELP?". The text "CONNECT WITH US" is in large black letters. Below it are three ways to connect: a website link, an email address, and a "chat with a Librarian" option. A small note says "If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates". At the bottom, there are two boxes for "CUSTOMER SERVICE" and "REFERENCE SERVICE" with contact numbers and campus details. The bottom right corner includes the library's website, social media links, and the "unisel library" logo with "FOLLOW US:UNISEL LIBRARY".